



## MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). **Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.**

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	
			KONTRAK	TETAP
<b>A.</b>	<b>GRED LANTIKAN</b>			
1.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41/44		1
2.	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	U29	2	

### KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

- F - Sistem Maklumat
- U - Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

#### TERTAKLUK DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

#### PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini;
- iii) Permohonan daripada kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam yang sedang berkhidmat hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan dan mendapat sokongan Ketua Jabatan;
- iv) Permohonan mestilah disertakan dengan salinan sijil yang disahkan;
- v) Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga;
- vi) Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat;
- vii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga(3) bulan dari tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**PERMOHONAN**

Borang (MBSA 1) boleh dibeli di Kaunter Bayaran (Tingkat G) Wisma MBSA dengan harga RM3.20 tunai/naskah.

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Seksyen Sumber Manusia  
Majlis Bandaraya Shah Alam  
Tingkat 26, Wisma MBSA, Peti Surat 7200  
40706 Shah Alam, Selangor**

**Tarikh iklan dikeluarkan : 21 September 2016  
Tarikh tutup permohonan adalah pada : 05 Oktober 2016**

1. NAMA JAWATAN : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41/44

Gred dan Jadual Gaji F41/44 :		<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
		RM 2,315.00	RM 9,618.00
ITKA	-	RM 300.00	
ITP	-	RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 225.00	

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a)
- i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
  - iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c)
- i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iii) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iv) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- (d) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. **NAMA JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN  
GRED U29**

Gred dan Jadual Gaji U29 :	<b><u>GAJI MINIMUM</u></b>	<b><u>GAJI MAKSIMUM</u></b>
	RM 1,797.00	RM 5,753.00
ITKA	- RM 160.00	
ITP	- RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	- RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	- RM 145.00	

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a)
  - i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
  - iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
  - iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c)
  - i) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- (d) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.